

Selain Vaksin, Kerajaan Perlu Ada Pelan Tindakan Drastik Turunkan Kes COVID-19 – Iqbal Jamal

📅 18 jam lalu 📁 [Berita Lain](#), [Berita Utama](#)

KUALA LUMPUR, 3 Ogos – Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Ipoh Barat Muhamad Iqbal Jamal Jamaludin mengingatkan kepada kerajaan pusat bahawa sudah seminggu berturut-turut kes positif COVID-19 atas 15,000 kes dan angka mereka yang meninggal dunia juga menunjukkan peningkatan.

Tegasnya sementara kerajaan mahu menyelesaikan isu-isu politik semasa, isu kesihatan rakyat itu perlu ada pelan tindakan secara drastik untuk turunkan kes dan setidak-tidaknya penerangan yang jelas untuk mengelak rakyat daripada panik.



"Tambahan banyak pulak tular video yang bukan-bukan mengenai COVID-19.

"Tiada keyakinan dibina oleh pihak kerajaan selain vaksin daripada KJ (Khairy Jamaluddin – Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan). Bertindaklah!" gesanya dalam satu hantaran di Facebook.

Iqbal berkata demikian mengulas mengenai isu-isu yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan selain daripada isu darurat, isu Perdana Menteri hilang majoriti, isu UMNO tarik sokongan dan pelbagai isu lagi.



Dilaporkan, kes positif COVID-19 di negara ini pertama kali melonjak ke angka lebih 15,000 iaitu 15,573 kes pada 23 Julai lalu dan hari ini berada di angka 17,105 kes di mana jumlah keseluruhan kes sebanyak 1,163,291 melibatkan lebih sembilan ribu kematian.

Berhubung dengan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, menurut data yang dikongsikan Jawatankuasa Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), sebanyak 61.8 peratus populasi dewasa di Malaysia telah mendapat sekurang-kurangnya dos pertama vaksin COVID-19, setakat semalam.

Menurut data itu juga, pemberian dos kedua bagi populasi dewasa pula cecah 30.7 peratus dan ini menjadikan jumlah kumulatif suntikan dos vaksin COVID-



UMNO O

Like Pag



f Facebook

Likes Like Kami

154690

Followers

Follow Kami

Instagram

Followers

Follow Kami

19 di negara ini melepasi 21,668,999 juta dos keseluruhan.

Seterusnya, berhubung dengan program imunisasi, Iqbal dalam platform media sosialnya itu berkata Pemuda UMNO bahagiannya turut menawarkan perkhidmatan mengambil dan menghantar kepada penerima vaksin berumur 60 tahun ke atas secara percuma.

"Kepada warga Parlimen Ipoh Barat yang berumur 60 tahun ke atas mulai hari ini (3 Ogos 2021) boleh menerima vaksin tanpa temujanji di Stadium Indera Mulia (secara walk-in).

"Oleh demikian, Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Ipoh Barat (IBY) menyediakan perkhidmatan ambil dan hantar kepada penerima (>60 Tahun) vaksin ke Stadium Indera Mulia tanpa bayaran.

"Jika ada yang berminat boleh menggunakan khidmat ambil dan hantar ini. Sila hubungi di talian berikut +60162228587 saudara Hamzah Hamdan untuk menggunakan perkhidmatan kami," katanya. – **UMNO ONLINE**

Telegram

Telegram

in Sertai Kami

Linkedin

connections

Apple Ikuti Kami

App Store

infoPUMAS App

Play Store

infoPUMAS App

RSS

Subscribe

Langgan

Berita Berkaitan



**Kerajaan
Pertimbang Beri
Sijil
Pengecualian
Individu Tidak
Dapat Terima
Vaksin - Khairy**



**COVID-19: Tiada
Kematian
Sepuluh Hari
Berturut-Turut,
51 Kes Pulih - KP
Kesihatan**



**COVID-19:
Jangan
Terpengaruh
Angka,
Manipulasi Pihak
Tertentu... Terus
Patuhi SOP -
Ismail Sabri**



**COVID-19: 31 Kes
Positif Direkod,
Terendah Sejak**



**Peningkatan Kes
COVID-19 Kerana
Saringan Besar-**



**Kesengsaraan
Rakyat Adalah
Realiti, Kerajaan
Perlu Langkah**



Berita Terkini

- Apabila Seorang Perdana Menteri Sudah Kehilangan Majoriti, Apa Yang Akan Berlaku Menurut Perlembagaan?
- UMNO Junjung Tinggi Prinsip Rukun Negara, Daulatkan Institusi Raja-Raja Melayu – UMNO Perak
- Keputusan MKT Cerminkan Pelaksanaan Mandat Akar Umbi, PAU – UMNO Kelantan
- UMNO Pengerang Berdiri Teguh Bersama Presiden Dan Parti
- MKT Sebulat Suara Tolak Pertahan Kerajaan PN Dan PM, Zahir Kesetiaan Kepada Agong
- Shamsul Letak Jawatan Menteri, Tumpu Khidmat Ahli Parlimen Lenggong

Video Terkini

- Sidang Media Presiden UMNO | YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi
- SELASA 3 OGOS 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- ISNIN 2 OGOS 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- JUMAAT 30 JULAI 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- UMNO ONLINE Live Stream
- Sidang Media Ahli Parlimen Pekan

Podcast Terkini

- SELASA 3 OGOS 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- ISNIN 2 OGOS 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- JUMAAT 30 JULAI 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- KHAMIS 29 JULAI 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- RABU 28 JULAI 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- SELASA 27 JULAI 2021 –



[TERKINI](#) | [KEMASKINI](#) | [DIREKTORI & ALAMAT](#)
[HUBUNGI KAMI](#) | [UMNO](#) | [BN](#)

[PENAFIAN & PRIVASI](#)

Powered by [WordPress](#) and [Smartline](#).